Pengenalan khiyar aib

Pengertian	Setiap sesuatu yang hilang darinya sifat yang baik dan mengakibatkan kurangnya harga pada pandangan umum para penjual seperti kecacatan yang besar, kecil, buta, buta sebelah dan juling.
Definisi	Cacat menurut ulama Syafi'ie adalah setiap sesuatu yang mengurangi fizikal, nilai dan isi kandungan barang.

Tujuan khiyar aib

(1) Memastikan adanya kerelaan hati kedua-dua belah pihak untuk meneruskan atau membatalkan akad.

(2) Menjaga kepentingan pihak-pihak yang berakad.

Hadis tentang khiyar aib

البيعان بالخيار مالم يتفرقا	Artinya : "Dua orang yang mengqadakan jual beli diperbolehkan melakukan khiyar selama keduanya belum berpisah dari tempat akad". (H.R Bukhari dan Muslim)
المسلم آخو المسلم لايحل لمسلم باع من أخيه بيعا فيه عيب الا بينه له <ابن ماجه عن عقبة بن عمار رضي الله عنهما >	Artinya : "Seorang muslim adalah saudara bagi muslim lainnya. Maka tidak halal seorang muslim menjual kepada saudaranya sesuatu yang ada cacatnya kecuali ia harus menjelaskan cacat tersebut ".

Hadis tentang khiyar aib (cont)

عن حكيم بن حزام راضي الله قال رسول الله صلى الله عليه وسلم البيعان بالخيار مالم يتفرقا أو قال حتى يتفرقا فان صدق وبينا بورك لهما في بيعهما وان كتما وكذبا محقت بركة بيعهما	Artinya : "Dari Hakim bin Hizam, dia berkata Rasullullah S.A.W bersabda, dua orang yang berjual beli mempunyai hak pilih selagi mereka belum berpisah. Beliau juga bersabda, 'hingga keduanya saling berpisah, jika keduanya saling jujur dan menjelaskan. Maka, keduanya diberkahi dalam jual beli itu. Namun, jika keduanya saling menyembun-yikan dan berdusta maka barakah jual beli itu akan dihapuskan'. (H.R Bukhari)

Syarat dibenarkan khiyar aib

(i) Dapat dibuktikan kecacatan tersebut semema-ngnya sedia ada.	Maksudnya, kecacatan tersebut wujud pada barang yang dijual sebelum diterima pembeli. Contohnya, pembeli berhak memulangkan semula barang tersebut kerana kecacatan berpunca ketika berada di tangan penjual.

Syarat dibenarkan khiyar aib (cont)

(ii) Kecacatan yang dianggap menjej-askan niai barangan.	Maksudnya, untuk mengukur nilai barangan melalui pengalaman para peniaga yang berkemahiran. Contohnya, pembeli membeli seekor kambing dan mendapati telinganya putus maka pembeli berhak memulangkan kambing tersebut kerana tidak boleh digunakan untuk tujuan korban. Namun, jika tujuan untuk mendapatkan dagingnya maka kecacatan tersebut tidak diambil kira dan pembeli tidak berhak memula-ngkan kambing itu.
(iii) Kecacatan tersebut tidak wujud.	Contohnya, pembeli membeli kereta baru kemudian mendapati tayar kereta tersebut botak maka pembeli berhak memulangkan kereta tersebut kecuali pembeli membeli kereta terpakai.

Hikmah khiyar aib

(1) Dapat mengetahui adanya kerelaan dari pihak yang terikat dalam proses jual beli.

(2) Mendapat kepuasan terhadap kedua-dua belah pihak.

(3) Menghindar terjadinya penipuan dalam urusan jual beli.

(4) Menjamin kejujuran pihak penjual dan pembeli

Sponsored by **ApolloPad.com**
Everyone has a novel in them. Finish Yours!
https://apollopad.com